

Oleh Mohd Sabran
Md Sani
sab@mediaprima.com.my

Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Hutan Simpan Ayer Hitam Puchong, Selangor kali ini tidak seperti hari-hari biasa.

Lokasi yang kerap menjadi tumpuan penyarah Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pengembangan itu dibanjiri kumpulan pelajar.

Mereka bukan saintis, namun kehadiran 42 pelajar tingkatan empat dari 14 negeri termasuk Wilayah Persekutuan ini bagi menyertai Program Kem Pendidikan Alam Semula jadi (KEMPAS) 2013.

Berkampung lebih seminggu bermula 23 November hingga 30 November lalu banyak mengubah persepsi pelajar berkenaan alam sekitar.

Bertemakan 'Hutan dan Air', KEMPAS 2013 memberi fokus dalam usaha menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan sumber air serta hubung kaitnya dengan sumber hutan seperti flora, fauna, tanah dan iklim.

Kesan kepada aktiviti pembangunan hutan atau perubahan guna tanah juga dapat diselami pelajar hasil daripada kajian lapangan.

Usaha seperti itu merangsang minda pelajar untuk menilai kesan dan akibat aktiviti pembangunan kepada alam sekitar.

Malah di akhir program, ramai yang memberi skala kesedaran terhadap alam sekitar menjangkau 80 peratus, berbanding sebelum itu hanya berlebar 20 peratus.

Mereka tidak pulang dengan tangan kosong, sebaliknya segala pengalaman dikutip selama seminggu sudah cukup menjadikan kumpulan terpilih itu sebagai 'duta alam sekitar' yang ciktakan alam semula jadi.

KEMPAS adalah

program tahunan anjuran Fakulti Perhutanan UPM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ExxonMobil Malaysia dan Berita Harian (BH) sebagai rakan media.

Bagi pihak penganjur, sudah pastinya kem seperti itu memberi kesan dalam meningkatkan kesedaran pelajar terhadap alam sekitar.

Bermula dengan Kuiz Sains Alam Semula jadi pada 1977, program itu dilancarkan dengan modul yang menitikberatkan kaedah kerja lapangan berkaitan alam sekitar.

Dalam menyalurkan maklumat pendidikan, sudah tentunya aspek pengembangan menjadi salah satu strategi cukup berkesan terutama dalam menyebarkan kesedaran pentingnya tanggungjawab menjaga keindahan, pengkalan dan kestabilan alam sekitar kepada masyarakat.

ia juga memberi peluang kepada fakulti untuk terus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan sains alam semula jadi sebagai disiplin ilmuwan yang perlu diterokai pelajar sekolah.

Ini kerana kumpulan pelajar muda seperti itulah yang bakal menjadi pewaris untuk generasi akan datang.

Pengendalian KEMPAS pada peringkat awal dilaksanakan Jabatan Pendidikan negeri dan penyertaan terbuka kepada semua pelajar tingkatan empat seluruh negara.

UPM menyediakan soalan dan skema jawapan untuk dilaksanakan dalam KEMPAS pada peringkat awal dengan setiap sekolah boleh menghantar sebanyak mungkin pasukan terdiri daripada tiga orang bagi setiap

kumpulan.

Majlis Penutup KEMPAS 2013 disempurnakan Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Zainudin Abas.

Hadir sama, Dekan Fakulti Perhutanan Datin Dr Faridah Hanum Ibrahim; Pengurus Perancangan dan Analisa Perniagaan ExxonMobil, Hazizi Hassan dan Pengarang Berita Pendidikan, BH, Ridzuan Yop.

Sempena program itu, SMK Putrajaya Presint 16 (1) menjadi johan KEMPAS 2013, manakala SMK Trolak, FELDA Trolak Selatan mendapat Naib Johan dan SMK Bertam Indah, Pulau Pinang mendapat tempat ketiga.

Dr Faridah Hanum berkata, penganjuran KEMPAS 2013 oleh Fakulti Perhutanan adalah program pengembangan yang amat penting.

"Ia memberi peluang kepada fakulti untuk meningkatkan

Kem seminggu ubah persepsi



Skala kesedaran pelajar terhadap alam sekitar menjangkau 80 peratus berbanding sebelum ini



PELAJAR berbincang dalam melakukan aktiviti.

kesedaran terhadap kepentingan sains alam semula jadi sebagai disiplin ilmuwan yang mesti diterokai pelajar sekolah menengah.

"Kami di fakulti memberi pendedahan, selain merasakan pada peringkat umur ini (menengah), mereka-lah yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan," katanya.

Menurutnya, pelajar yang terpilih hingga peringkat kem adalah

individu terpilih.

"Kemungkinan besar mereka ini bakal jadi pemimpin pada masa hadapan dan dengan kesedaran diberikan, kumpulan terpilih ini boleh menggunakan ilmu untuk menjaga, memelihara dan memulihara alam sekitar di kemudian hari.

"Apa-apa yang berlaku mereka ini bakal menjadi pembuat dasar. Mereka faham apa yang

akan dilakukan.

"Kebanyakan daripada pelajar, jika tidak didedahkan aktiviti sedemikian, maka mereka banyak belajar dengan teks buku saja, padahal teks buku ini lain," katanya.

Katanya, hutan adalah keseimbangan kepada sistem dan ia perlu dipelajari kumpulan pelajar dan bagaimana ia berkait rapat dengan flora dan fauna.



PESERTA teruja
sebaik mengakhiri
program KEMPAS.



KEMAHIRAN
peserta diuji.



SEBAHAGIAN
peserta mengumpul
data berkaitan flora
dan fauna.

PESERTA sedang
mengumpul
maklumat

“Secara logik, kita mahu mendapatkan bekalan air dari hutan, tetapi tidak tahu bagaimana menjaganya.

“Padahal sistem di dalamnya saling perlu memerlukan. Contoh peranan akar dalam menapis air secara semula jadi. Kalau tidak ada keseimbangan bagaimana nak dapat air bersih,” katanya.

Beliau juga berbangga kerana projek berkenaan antara yang terbesar di Asia Pasifik menganjurkan program kesedaran alam sekitar bukan saja aktiviti berkaitan perhutanan, tetapi pengajaran dan kem hutan.

Malah, hutan berkeluasan 1,176 hektar yang diwartakan sebagai hutan pendidikan dan penyelidikan juga sering dikunjungi pelajar antarabangsa yang berminat untuk mendalami alam sekitar.

Pemilihan tema katanya banyak bergantung kepada senario semasa yang dibangkitkan terutama me-

nerusi simposium dan seminar.

“Jadi banyak isu diketengahkan pada tahun ini menyentuh mengenai air. Apa yang kami lakukan adalah melakukan ‘water trail’ dalam hutan, kemudian ke pinggir hutan dan di luar kawasan hutan.

“Di situ, pelajar mengambil indeks air, uji kelajuan air, lebar sungai, selain menghubungkan kaitkan ia dengan kesan kepada flora dan fauna,” katanya.

Katanya, tema berkaitan hutan dan air adalah projek perintis kepada kumpulan peserta KEMPAS 2013.

“Semua data yang diperoleh tahun ini terutama dari segi air, flora dan fauna akan disimpan dan bakal diambil untuk tahun hadapan di tempat sama.

“Seterusnya, pada setiap tahun, pelajar terpilih bakal melakukan perbandingan,” katanya.

Katanya, SISFEC adalah hutan terbesar di Lembah Klang dengan mempunyai 500 spesies.

“Satu per enam daripada jumlah spesies di Semenanjung Malaysia terdapat di sini. Selain itu ia memiliki 400 spesies burung termasuk burung migrasi.

“Paling penting hutan itu menjadi pusat penyelidikan 50 pensyarah fakulti dalam bidang berlainan,” katanya.

Ditanya berkenaan kesan projek yang sudah dilaksanakan sejak 35 tahun itu katanya, ia memberi kesedaran berterusan kepada pelajar akan kepentingan menjaga alam sekitar.

“Biarpun sudah banyak program kesedaran di paparkan media, tetapi program dilaksanakan adalah pemabitan secara intensif dengan dilaksanakan bersama lapan modul khas.

“Harapan kita, supaya dengan ilmu diperoleh, kumpulan pelajar ini akan menyebarkan kepada rakan dan guru, selain mendedahkan kepada pegawai bawah mereka apabila bekerja kelak,” katanya.

Sementara itu, Zainudin berkata, usaha memelihara dan memulihara alam seki-

tar memerlukan perancangan jangka masa pendek dan panjang.

“Ada baiknya generasi muda khususnya yang berada di bangku sekolah terus didedahkan dengan pendidikan alam semula jadi secara formal supaya memperoleh pengetahuan berkenaan pentingnya penjagaan alam sekitar kepada kehidupan manusia sejagat.

“Pendedahan awal seperti ini sememangnya amat berbaloi memandangkan generasi muda sekarang bakal mewarisi kehidupan pada masa akan datang,” katanya.

Katanya, pendidikan alam semula jadi adalah satu proses pendidikan berkenaan alam semula jadi, melalui alam semula jadi dan untuk alam semula jadi.

“Proses ini adalah untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana manusia mengurus alam ini dengan penuh tanggungjawab demi kesejahteraan manusia,” katanya.

Menyentuh berkenaan program KEMPAS anjuran Fakulti Perhutanan UPM, katanya pihak Kementerian menyambut baik usaha berkenaan untuk memupuk dan mewujudkan masyarakat dan generasi muda dalam membudayakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.

“Kem ini satu program direka bentuk supaya mempunyai unsur pemantauan, pelaksanaan dan penghayatan terhadap aktiviti semula jadi di sekeliling kita.

“Unsur paling penting adalah ia meningkatkan kefahaman terhadap pendidikan alam semula jadi kepada peserta melalui kaedah ‘hands-on’.

“Ini termasuk mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai alam ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kelak,” katanya.